

Halangan penerapan budaya digital dalam kalangan orang Ubian di Pulau Mantanani, Malaysia Timur

ABSTRAK

Budaya digital adalah realiti dunia kontemporari. Memahami realiti bahawa teknologi digital telah mula menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita, terutamanya sejak era pandemik Covid19, kajian ini diinisiatifkan untuk mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan budaya digital dalam kalangan komuniti Ubian di Pulau Mantanani Sabah yang terletak di Malaysia Timur. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kemiskinan digital serta mengenal pasti halangan yang menghalang mereka daripada mengamalkan budaya digital. Pemerhatian turut serta, temu bual serta soal-selidik diaplikasikan untuk mengumpul kedua-dua data etnografi dan kuantitatif yang berkaitan dengan landskap kemiskinan digital komuniti Ubian. Pendekatan teoretikal dan konseptual berhubung tahap kemiskinan digital yang diformulakan oleh Barrantes turut digunakan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa komuniti Ubian dapat dikategorikan sebagai miskin digital. Berhubung halangan untuk menerapkan budaya digital, faktor-faktor yang dikenal pasti adalah peribadi, pendidikan, ekonomi, fizikal, sosial dan pentadbiran. Kemiskinan digital akan terus menjelaskan kehidupan masyarakat Ubian jika ia tidak diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak yang terbabit. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan beberapa penyelesaian kondusif bagi mengatasi isu digital dalam kalangan masyarakat Ubian di Pulau Mantanani. Diharapkan kertas kerja ini mampu memberi sumbangan dan menjadi pemangkin dalam usaha memperkasakan budaya digital dalam kalangan masyarakat Ubian agar mereka dapat menikmati pembangunan negara dan tidak tercicir dalam ekosistem digitalisasi seiring dengan dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara serta Rancangan Malaysia ke-12.